

Pentaksiran Akhir Tahun

Skor

100

Masa : Dua jam

BAHAGIAN A

[20 markah]

Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 20

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan sahaja bagi setiap soalan.

- 1 Antara yang berikut yang manakah maksud al-Qawiy dari segi istilah?

- A Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Memiliki Segala Kekuasaan
- B Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Mencipta makhluk daripada tiada kepada ada
- C Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Kuat dan mempunyai kekuatan yang sempurna
- D Nama Allah yang menunjukkan bahawa Allah SWT yang Maha Berkuasa menentukan sesuatu berdasarkan kehendak-Nya

- Telah masuk waktu solat
- Menghilangkan najis terlebih dahulu

- 2 Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A sunat tayamum
- B syarat tayamum
- C rukun tayamum
- D sebab ditartikan tayamum

- 3 Berikut adalah perkara sunat tayamum **kecuali**

- A membaca Basmalah
- B mendahulukan sebelah atas muka
- C menentukan arah kiblat sebelum tayamum
- D merenggangkan jari tangan ketika menepuk debu tanah

Malaikat	Manusia
Tidak bernafsu	Bernafsu seperti kahwin
Tidak mati hingga kiamat	Mati

- 4 Pernyataan di atas merujuk kepada perbezaan malaikat dengan manusia dari aspek

- A sifat
- B fizikal
- C penciptaan
- D tanggungjawab

- Niat jamak dalam solat pertama
- Melaksanakan solat mengikut turutan

- 5 Pernyataan di atas merujuk kepada solat _____.

- A qasar
- B jamak
- C jamak ta'khir
- D jamak takdim

- 6 Antara yang berikut yang manakah syarat perjalanan yang diharuskan solat jamak dan qasar?

- A Niat jamak dalam waktu pertama
- B Jarak perjalanan sehala melebihi 81 kilometer
- C Telah melepasi sempadan kawasan tempat tinggal
- D Berkecualan musafir hingga selesai salam solat kedua

- 7 Antara yang berikut yang manakah tugas lain malaikat?

- I Membisikkan keburukan ke dalam hati manusia
- II Mendoakan keburukan kepada orang Islam yang tidak taat
- III Menanggung Arasy
- IV Bertasbih kepada Allah
- A I dan II
- B II dan III
- C III dan IV
- D I dan IV

- Diturunkan kepada Nabi Musa a.s.
- Dalam bahasa Ibrani

- 8 Pernyataan di atas merujuk kepada kitab _____.

- A Injil
- B Zabur
- C Taurat
- D al-Quran

- 9 Pilih pernyataan yang **benar** tujuan syarak membenarkan menyapu balutan bagi menggantikan wuduk.

- A Menjaga masalah diri manusia ketika kesusahan
- B Islam agama yang mudah dan bukan menyusahkan
- C Membolehkan melaksanakan ibadah solat dalam keadaan bersih daripada najis
- D Menjaga anggota badan daripada dijangkiti kuman yang boleh mendatangkan kemudaratan

صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ

- 10 Apakah hukum tajwid bagi potongan ayat di atas?
- Izhar halqi
 - Izhar syafawi
 - Ikhfak hakiki
 - Idgham mislain
- 11 Siapakah nama sahabat yang menemani Rasulullah SAW untuk berhijrah ke Madinah?
- Sayidina Ali bin Abi Talib
 - Sayidina Umar al-Khattab
 - Sayidina Uthman bin Affan
 - Sayidina Abu Bakar as-Siddiq
- Membenci dan menjauhi kemungkaran
 - Berazam untuk tidak melakukannya lagi
- 12 Pernyataan di atas merujuk kepada cara menangani kemungkaran melalui
- hati
 - lisan
 - tangan
 - perkataan
- 13 Pilih pernyataan yang **benar** bukti Allah SWT bersifat al-Qadir.
- Allah berkuasa mencipta langit dan bumi
 - Allah mencipta makhluk dengan pelbagai rupa dan identiti
 - Allah berkuasa memberi rezeki kepada sesiapa yang berusaha
 - Allah berkuasa mengazabkan sesiapa yang melakukan dosa dengan azab yang pedih
- 14 Antara yang berikut yang manakah **benar** tentang hikmah beriman kepada malaikat?
- Dapat menenangkan jiwa
 - Menambahkan rasa gerun untuk melakukan keburukan
 - Menggalakkan seseorang sentiasa memperbanyakkan amalan soleh
 - Menyerahkan sesuatu perkara kepada Allah SWT serta yakin dengan pertolongan-Nya
- I dan II
 - II dan III
 - III dan IV
 - I dan IV

15 Berikut adalah contoh puasa sunat **kecuali**

- puasa pada 9 Zulhijjah
- puasa pada 13, 14 dan 15 setiap bulan
- puasa pada hari tasyrik 11, 12 dan 13 Zulhijjah
- puasa enam hari pada bulan Syawal selepas Aidilfitri

فَبِمَا رَحْمَةٍ مِنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ
فَطَّاءً غَلِيظًا لَقَلْبُ لَا تَفْضُوا مِنْ حَوْلِكَ
فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ
فِي الْأَمْرِ فَإِذَا عَزَمْتَ فَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ
إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُتَوَكِّلِينَ

(Surah Ali-Imran: 159)

- 16 Antara yang berikut yang manakah **benar** tentang sifat-sifat Rasulullah SAW yang dinyatakan dalam ayat di atas?
- Lemah lembut, tegas, berani dan bertawakal
 - Penyayang, pemaaf, tetap pendirian, lemah lembut
 - Pemaaf, baik hati, berani dan benar dalam percakapan
 - Lemah lembut, pemaaf, memohon keampunan untuk orang lain, berazam dan bertawakal
- 17 Berikut adalah kesan daripada hijrah Rasulullah SAW ke Madinah **kecuali**
- umat Islam mempunyai keyakinan dan semangat jihad yang tinggi
 - ekonomi umat Islam semakin kukuh melalui perlaksanaan sistem ekonomi Islam
 - ajaran Islam semakin tersebar kerana dakwah dapat dilaksanakan secara lebih terbuka
 - tertegaknya negara Islam pertama yang berdaulat di bawah pimpinan Rasulullah SAW

- Tidak membenci ibu bapa
 - Prihatin dan mengambil berat dengan selalu bertanya khabar
 - Menunjukkan muka manis di hadapan mereka

- 18 Pernyataan di atas merujuk cara beradab kepada ibu bapa dan keluarga dari aspek _____.
- hati
 - af'al
 - percakapan
 - tingkah laku

19 Pilih pernyataan yang **benar** orang yang mempunyai hati bersih dari aspek iman.

- A Berusaha memahami kebenaran
- B Tertarik dengan nafsu keduniaan
- C Sabar dan tenang dengan ujian daripada Allah SWT
- D Memahami peringatan dan pengajaran yang diberikan oleh Allah SWT

Rasulullah SAW sentiasa menggunakan tutur kata yang baik dan intonasi suara yang sesuai walaupun ketika berada di pasar.

20 Pernyataan di atas merujuk kepada sifat _____ Rasulullah SAW dalam berdakwah.

- A pemaaf
- B bijaksana
- C kasih sayang
- D lemah lembut

BAHAGIAN B

[20 markah]

Jawab **semua** soalan.

1 (a) Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ إِلَّا أَنْ تَكُونَ تِجَارَةً
عَنْ تَرَاضٍ مِّنْكُمْ وَلَا تَقْتُلُوا أَنْفُسَكُمْ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُمْ رَحِيمًا ﴿٢٩﴾

(Surah an-Nisa : 29)

Ayat di atas menjelaskan kepentingan memelihara harta dan nyawa.

Isi tempat kosong dengan pilihan jawapan yang betul.

hukum	rahmat	kemaslahatan
syariat	darjat	melanggar

- (i) Harta dan nyawa adalah _____ daripada Allah SWT.
- (ii) Islam menetapkan peraturan larangan mengambil dan menggunakan harta secara batil agar _____ manusia terpelihara.
- (iii) Islam melarang kita membinasakan diri dan orang lain kerana _____ hak Allah SWT.
- (iv) Harta dan nyawa antara perkara yang dijaga dalam _____ Islam.

[4 markah]